

PANDUAN PENGENDALIAN KES JENAYAH BAGI MAHKAMAH RENDAH PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Satu mesyuarat oleh YAA Hakim Besar Malaya dengan YA-YA Hakim Pengurus telah diadakan pada 5 Mei 2020 (Selasa) berkenaan tatacara pengendalian kes pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sehubungan dengan itu, tatacara pengendalian kes pasca PKPB telah disediakan. Pada masa yang sama, YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak juga telah bersetuju dengan tatacara tersebut. Berikut merupakan panduan dan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh Mahkamah dalam mengendalikan kes-kes pasca PKPB:

Kehadiran Bertugas Pegawai dan Kakitangan

1. Sistem penggiliran akan dilaksanakan di mana Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret akan hadir bertugas berdasarkan jadual bertugas mulai 13 Mei 2020.
2. Sekiranya tidak bertugas, Hakim Mahkamah Sesyen / Majistret tidak perlu hadir ke Mahkamah. Bagi Hakim Mahkamah Sesyen / Majistret yang ingin hadir, permohonan perlulah dibuat terlebih dahulu kepada Pengarah Mahkamah Negeri.
3. Bagi Mahkamah yang mempunyai seorang sahaja Hakim Mahkamah Sesyen / Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen / Majistret tersebut hendaklah hadir ke Mahkamah setiap hari tanpa sebarang penggiliran bertugas.

4. Kakitangan yang bertugas bagi setiap Mahkamah hendaklah hadir bertugas mengikut giliran dan membantu prosiding pada hari Mahkamah bersidang.
5. Jumlah kakitangan bertugas hendaklah dihadkan kepada seorang (1) jurubahasa dan seorang (1) pembantu tadbir undang-undang (PTUU) yang akan hadir bertugas apabila mahkamah tersebut bersidang.

Pengurusan dan Perbicaraan Kes

6. Untuk mengelakkan kesesakan di bangunan Mahkamah, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret digalakkan untuk mengurangkan jumlah kes yang ditetapkan secara harian sebanyak 50% daripada jumlah kes yang lazimnya ditetapkan. Kes - kes perbicaraan tidak perlu dijalankan secara tergesa - gesa semasa tempoh pasca PKPB kerana Mahkamah tidak beroperasi sepenuhnya.
7. Keutamaan penetapan kes perlu diberi kepada kes - kes sambung bicara dan kes - kes keutamaan seperti kes kakitangan kerajaan, kes lama (*ageing*) dan kes yang melibatkan tahanan dalam reman.
8. Kesemua kes perbicaraan yang belum mula dibicarakan akan ditangguhkan sepanjang tempoh 13 Mei 2020 sehingga 31 Julai 2020.

9. Kes-kes perbicaraan dan pengurusan kes jenayah hendaklah didengar di Mahkamah Terbuka dan kes-kes tersebut ditetapkan mengikut masa berperingkat (*staggered timing*). Penetapan kes secara masa berperingkat (*staggered timing*) adalah bertujuan mengelakkan kesesakan di dalam Mahkamah dan bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi di Mahkamah Terbuka.

10. Pihak - pihak perlu dimaklumkan lebih awal mengenai waktu kes mereka akan dipanggil bagi memastikan pihak-pihak dapat mengurus masa dengan baik dan mengelakkan kesesakan.

11. Penetapan kes yang baru atau penangguhan kes hendaklah dimaklumkan kepada pihak - pihak secara individu. Bagi kes yang telah ditetapkan pada 13 Mei 2020, makluman mengenai penetapan masa atau penangguhan kes perlu dimaklumkan kepada pihak - pihak selewat - lewatnya sebelum 8 Mei 2020 (Jumaat).

12. Sekiranya terdapat permohonan penangguhan kes oleh mana - mana pihak, Hakim Mahkamah Sesyen / Majistret boleh menggunakan budi bicara dalam membenarkan penangguhan mengikut kesesuaian dan keadaan semasa.

13. Panduan pengendalian kes jenayah di Mahkamah Rendah ini berkuatkuasa sehingga 31 Julai 2020, tertakluk kepada sebarang arahan atau pemakluman lanjut.

14. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dirujuk kepada YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak bagi Mahkamah Rendah di Sabah dan Sarawak dan YA Hakim Pengurus masing - masing bagi Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia**

Tarikh: 7 Mei 2020